

PELAKSANAAN PELAPORAN KENDIRI DALAM PERJANJIAN PENANGGUHAN PENDAKWAAN DI AMERIKA SYARIKAT DAN UNITED KINGDOM

(IMPLEMENTATION OF SELF-REPORTING IN DEFERRED PROSECUTION AGREEMENTS IN THE UNITED STATES AND UNITED KINGDOM)

¹Sofiah Mohmad Sopah*

²Hasani Mohd. Ali

³Mohd Zamre Mohd Zahir

¹Peguam Kanan Persekutuan, Unit I – Hal Ehwal Kerajaan, Bahagian Penasihat,
Jabatan Peguam Negara, Putrajaya

²Profesor, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

³Pensyarah Kanan, Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

Corresponding author: P130861@siswa.ukm.edu.my*

ABSTRAK

Perjanjian Penangguhan Pendakwaan (PPP) merupakan instrumen penting dalam penyiasatan jenayah korporat di Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK). Antara aspek utama PPP ialah keperluan untuk syarikat melaksanakan pelaporan sendiri berhubung dengan potensi salah laku yang berlaku dalam syarikat kepada pihak berkuasa yang berkaitan. Pelaporan sendiri dalam PPP bertujuan menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti dalam kalangan syarikat dengan melaporkan sebarang salah laku korporat yang berlaku. Hal ini menzahirkan komitmen proaktif oleh sesebuah syarikat untuk menangani salah laku yang telah berlaku dan mencegah pengulangannya di masa hadapan, sekaligus mewujudkan persekitaran korporat yang beretika. Dalam membincangkan hal ini, kajian ini menggunakan metodologi kualitatif dan pendekatan doktrin undang-undang untuk mengenal pasti perbezaan dan persamaan tentang keperluan pelaporan sendiri dalam PPP di AS dan UK serta meneroka nuansa dan implikasi pelaporan sendiri dalam entiti korporat. Melalui kajian tentang rangka kerja undang-undang di AS dan UK, adalah didapati amalan penguatkuasaan yang berkembang di kedua-dua negara itu termasuk kajian kes undang-undang yang berkaitan sesuai dijadikan rujukan oleh Malaysia dalam pelaksanaan PPP. Hasil kajian ini dapat memberi pemahaman yang jelas tentang cabaran dan kepentingan pelaksanaan pelaporan sendiri secara sukarela dalam sesebuah organisasi ke arah menggalakkan ketelusan dan pembaharuan dalam syarikat atau badan korporat, yang akhirnya membawa kepada penguatkuasaan yang lebih berkesan bagi mencegah salah laku dalam sesebuah syarikat. Makalah ini juga seterusnya mengemukakan cadangan penambahbaikan proses pelaporan sendiri bagi memastikan hasil yang adil dan saksama untuk semua pihak berkepentingan yang terlibat termasuk cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh kerajaan Malaysia bagi maksud pelaksanaan PPP di Malaysia.

Kata kunci: Perjanjian Penangguhan Pendakwaan, PPP, pelaporan sendiri, Amerika Syarikat, United Kingdom, korporat.

ABSTRACT

Deferred prosecution agreements (DPAs) have emerged as a crucial tool for resolving corporate criminal investigations in the United States (US) and the United Kingdom (UK). One key aspect of DPAs is the requirement for companies to self-report potential wrongdoing to law enforcement authorities. Self-reporting

promotes transparency and accountability by requiring the disclosure of corporate misconduct, reflecting a proactive commitment to addressing and preventing recidivism. This approach cultivates an ethical corporate environment and reinforces a culture of compliance. This study employs a qualitative methodology and a doctrinal legal approach to examine the differences and similarities in self-reporting requirements within DPAs in the US and UK and to explore the nuances and implications of self-reporting within corporate entities. An examination of legal frameworks and relevant case studies in the US and UK reveals evolving enforcement practices that underscore best practices for corporate accountability. These insights provide valuable guidance for Malaysia in its consideration of implementing Deferred Prosecution Agreements (DPAs) within its legal framework. The study's findings elucidate the complexities and critical role of voluntary self-reporting in advancing corporate transparency and driving systemic reform, ultimately enhancing enforcement effectiveness and deterring corporate misconduct. This paper further proposes improvements to the self-reporting process to ensure fair and equitable outcomes for all stakeholders and presents recommendations for the Malaysian government to consider in implementing DPAs.

Keywords: Deferred Prosecution Agreement; DPA; self-report; United States; United Kingdom; corporate

PENGENALAN

Pelaksanaan Perjanjian Penangguhan Pendakwaan (PPP) atau lebih dikenali di peringkat global sebagai *Deferred Prosecution Agreement* (DPA) semakin menjadi pilihan oleh pihak berkuasa di Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) dalam penyelesaian salah laku korporat. Dalam konteks penulisan ini, adalah penting untuk menekankan bahawa PPP merujuk perjanjian antara pendakwa raya dan syarikat yang didakwa atas salah laku korporat seperti rasuah, penipuan, pengubahan wang haram dan penyelewengan (Rebecca Mitchel et. al., 2021). Melalui PPP, syarikat bersetuju untuk mematuhi, antara lain, penalti kewangan, pelaporan sendiri atas salah laku yang berlaku, kerjasama dengan pihak berkuasa undang-undang dan pelaksanaan pelan pengawalan sendiri untuk mencegah salah laku supaya pendakwaan terhadap syarikat akan ditangguhkan untuk tempoh tertentu dan sehingga semua terma dalam perjanjian dipenuhi. Sekiranya syarikat gagal mematuhi terma dan syarat yang telah diperuntukkan dalam PPP dan dipersetujui secara bersama antara syarikat dengan pihak kerajaan/pendakwa, hal tersebut boleh mengakibatkan pendakwaan ke atas syarikat diteruskan (*Serious Fraud Office*, UK). Di AS, perjanjian seumpama ini juga dikenali dengan perjanjian bukan pendakwaan (*Non-Prosecution Agreement* - NPA). Dalam hal ini, PPP lazimnya dibuat berdasarkan

pemfailan dokumen pertuduhan rasmi oleh kerajaan, dan perjanjian itu difailkan di mahkamah. Dalam konteks NPA pula, pertuduhan formal tidak difailkan dan perjanjian itu dibuat antara pihak-pihak tanpa melibatkan mahkamah. Di sesetengah negara lain, PPP dilaksanakan dengan nama yang berbeza seperti *Remediation Agreement* di Kanada dan *Convention Judiciaire d'Intérêt Public* (CJIP) di Perancis.

Di AS, PPP telah menjadi tunjang utama di negara itu dalam usaha mencegah jenayah korporat. Pelaksanaannya juga dibuat secara eksklusif melalui rundingan dan dengan itu pihak pendakwaan mahupun tertuduh tidak perlu melalui proses pendakwaan dan perbicaraan yang kompleks dan panjang (Frederick Davis, 2022;). PPP membolehkan syarikat meremedikan salah laku jenayah tanpa memberi implikasi negatif kepada syarikat dan orang-orang yang bersekutu dengannya seperti kehilangan pekerjaan (Nicholas Lord, 2022). Di samping itu, pelaksanaan PPP yang berkesan boleh menjimatkan kos dan masa perbicaraan yang panjang dan membolehkan syarikat dihukum tanpa melibatkan keruntuhan syarikat membantu memulihkan ekonomi (Nicholas Lord, 2022; Erik Paulsen 2007). Kerugian negara yang diperoleh daripada hasil jenayah korporat, khususnya rasuah dapat membantu mengembalikan kerugian yang ditanggung oleh negara sekaligus memulihkan ekonomi (Ardi Ferdian, 2021). PPP juga dapat

meningkatkan keupayaan pihak pendakwaan untuk mengesan, mencegah dan memulihkan salah laku dalam sesebuah organisasi komersial memandangkan ia memerlukan kerjasama daripada syarikat termasuk pelaporan sendiri secara sukarela (Jennifer Arlen, 2019).

Secara umumnya, pelaksanaan PPP sangat berkait rapat dengan pelaporan sendiri yang dibuat oleh syarikat secara sukarela oleh sesebuah syarikat atas salah laku yang disyaki berlaku dalam syarikat (Slaughter & May, 2020). Hal ini merupakan perkara yang dititikberatkan sepanjang pelaksanaan PPP di AS dan UK bagi membolehkan syarikat mendapat layanan keutamaan memandangkan pelaporan sendiri mempamerkan kesediaan syarikat untuk bekerjasama dengan pihak kerajaan, pendakwaan atau pihak berkuasa dan memperbaiki serta meremedikan salah laku yang telah berlaku (*Securities Exchange Commission*, 2024). Bagi maksud pelaksanaan pelaporan sendiri yang dibuat oleh syarikat, pihak pendakwa hendaklah mempertimbangkan keseluruhan maklumat yang diberikan oleh syarikat dengan turut mengambil kira, antara lain, sejauh mana kesalahan itu diketahui sebelumnya dan sejauh mana syarikat secara sukarela melaporkan maklumat tersebut, tanpa sebarang bentuk ancaman daripada pihak ketiga akan pendedahan maklumat itu (Bisgrove & Weekes, 2014).

Dari aspek kawal seliaan dan undang-undang, pelaksanaan pelaporan sendiri di AS dikawal selia oleh *United States Attorney's Office* (USAO), *Department of Justice* (DOJ) dan *Securities Exchange Commission* (SEC) yang dikuatkuasakan melalui beberapa mandat, iaitu antara lain, *Holder Memorandum*, *Monaco Memo*, *DOJ's Principles of Federal Prosecution of Business Organizations* dan *FCPA Corporate Enforcement Policy* (CEP), *United States Attorneys' Offices Voluntary Self-Disclosure Policy*, *A Resource Guide to the US Foreign Corrupt Practices Act*,

Principles of Federal Prosecution dan *U.S. Sentencing Guidelines* (USSG). Di UK pula, pelaksanaan pelaporan sendiri dalam PPP di kawal selia oleh *Serious Fraud Office* (SFO) dan dikuatkuasakan melalui *Crime and Courts Act 2013* (CCA), *Deferred Prosecution Agreement Code of Practice*, *SFO Guidance on Self-Reporting*, *Guidance on Corporate Prosecution* dan *Bribery Act 2010: Joint Prosecution Guidance of The Director of the Serious Fraud Office and The Director of Public Prosecutions*.

Tuntasnya, makalah ini akan membincangkan tentang kedudukan pelaporan sendiri dalam PPP di AS dan UK serta kepentingan dan cabaran yang dihadapi oleh syarikat dan kerajaan/pendakwa raya/pihak berkuasa dari segi pelaksanaannya. Peruntukan undang-undang serta garis panduan/mandat yang berkaitan juga akan dirujuk sebagai panduan kepada Malaysia sekiranya berhasrat untuk melaksanakan PPP dalam kerangka perundangannya. Dalam hal ini, kajian perbandingan mengenai pelaporan sendiri dalam PPP di AS dan UK dapat memberi pandangan yang berharga kepada Malaysia dalam merangka model PPP sendiri bersesuaian dengan kerangka perundangan di Malaysia. Melalui kajian perbandingan ini juga, Malaysia dapat memperoleh pemahaman tentang faktor-faktor yang mendorong syarikat untuk melaporkan kesalahan secara sukarela, seperti insentif dan perlindungan yang diberikan kepada syarikat yang bekerjasama dengan pihak berkuasa. Seterusnya, dengan meneroka amalan terbaik dan pengalaman dari kedua-dua negara, Malaysia dapat memahami strategi yang efektif dalam mempromosikan pelaporan sendiri sebagai elemen penting dalam proses PPP untuk meningkatkan sistem pematuhan yang lebih baik dalam kalangan organisasi atau badan korporat di negara ini.

Dalam kajian ke arah penulisan makalah ini, penulis menggunakan metodologi kualitatif untuk menyelidik

tentang pelaksanaan pelaporan kendiri dalam PPP yang dilaksanakan di AS dan UK. Penyelidikan kualitatif membolehkan penerokaan mendalam, pemahaman, membangunkan pengetahuan empirikal, dan membuat kesimpulan tentang nuansa proses pelaporan kendiri dalam PPP (Josephine & Audrey, 2023). Proses pengumpulan data melibatkan penganalisaan rangka kerja undang-undang, garis panduan kawal selia, dan kajian kes berkaitan dengan pelaksanaan pelaporan kendiri dalam PPP. Data sekunder seperti PPP yang telah ditandatangani antara syarikat dengan pihak berkuasa yang berkenaan di AS dan UK, dokumen yang mengawal selia, pendapat undang-undang dan literatur akademik diteliti untuk mengumpul maklumat penting berhubung dengan perkara ini (Syed, 2016). Analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti aspek penting tentang kepentingan dan cabaran pelaporan kendiri dalam DPA (Rosairo, 2023), dan analisis kandungan digunakan untuk menganalisis data yang berkaitan secara kritikal. Data tersebut kemudiannya dinilai untuk mengemukakan sumbang saran yang bermanfaat dan praktikal berhubung dengan pelaksanaan pelaporan kendiri, di samping menjamin keadilan kepada semua pihak yang terlibat (Yan & Barbara, 2009).

KEDUDUKAN PELAKSANAAN PELAPORAN KENDIRI DI AS

Secara umumnya, penggunaan PPP/NPA dapat menyokong amalan pelaporan kendiri secara sukarela sedia ada bagi kes jenayah ekonomi di AS. Namun demikian, tindakan mengenal pasti salah laku yang tersembunyi bergantung kepada kerjasama organisasi komersial atau pemberi maklumat yang sangat jarang berlaku memandangkan pelaporan kendiri boleh mengundang kepada pendakwaan dan sabitan. Melalui PPP, pelaporan kendiri akan membantu mengelakkan organisasi komersial atau syarikat didakwa, malahan lebih ramai pesalah boleh dihadapkan ke muka pengadilan.

Pelaksanaan pelaporan kendiri secara sukarela di AS tidak diperuntukkan secara nyata melalui undang-undang sebaliknya pelaksanaannya dikuatkuasakan melalui 'Holder Memorandum' yang dikeluarkan pada Jun 1999 oleh mantan Timbalan Peguam Negara DOJ, Eric Holder bagi menyatakan dan menyeragamkan faktor yang perlu dipertimbangkan oleh pendakwa raya persekutuan dalam membuat keputusan berhubung dengan suatu pertuduhan terhadap syarikat. Dalam hal ini, pendakwa raya DOJ bertanggungjawab mempertimbangkan sama ada pelaporan kendiri mengenai salah laku oleh sesebuah syarikat telah didedahkan tepat pada masanya dan sama ada syarikat tersebut telah bersedia untuk bekerjasama dalam penyiasatan oleh pihak berkuasa yang berkenaan (DOJ, 1999).

Pada November 2017 pula, CEP telah dikeluarkan oleh DOJ. Dasar ini dibuat bagi mengemas kini dan menggariskan kriteria-kriteria yang diambil kira oleh DOJ untuk menilai dan memberi ganjaran kepada syarikat yang berkenaan atas pelaporan kendiri dan kerjasama yang diberikan kepada pihak berkuasa dalam kes yang berkaitan dengan *Foreign Corrupt Practices Act* (FCPA) (Amanda et. al, 2022). Dasar tersebut telah disemak semula pada Mac dan November 2019 dengan tujuan meluaskan pemakaian pelaporan kendiri melangkaui FCPA. Selanjutnya pada Julai 2020, Dasar ini telah dikeluarkan oleh DOJ dan *Securities and Exchange Commission* (SEC) dalam 'A Resource Guide to the US Foreign Corrupt Practices Act' (Garis Panduan, FCPA), yang turut merangkumi perkara berkenaan dengan faktor-faktor yang dipertimbangkan oleh DOJ dan SEC dalam memutuskan kewajaran pendakwaan ke atas syarikat, iaitu antara lain, pelaporan kendiri oleh syarikat mengenai salah laku jenayah yang berlaku.

Di bawah kerangka *DOJ's Principles of Federal Prosecution of Business Organizations* dan CEP, pendakwa raya persekutuan akan mempertimbangkan sama

ada syarikat telah membuat pendedahan secara sukarela dan tepat pada masanya serta kesediaan syarikat untuk menyediakan maklumat dan bukti yang relevan dan mengenal pasti pelaku yang berkaitan di dalam dan di luar syarikat, termasuk eksekutif kanan. Selain itu, pendakwa raya mungkin mempertimbangkan tindakan pemulihan syarikat, termasuk usaha untuk memperbaiki program pematuhan yang sedia ada atau menghukum pesalah dengan sewajarnya. Sebagaimana dinyatakan dalam Garis Panduan FCPA, tindakan pemulihan syarikat harus bermakna dan menunjukkan pengakuan terhadap keseriusan salah laku tersebut, seperti mengambil langkah untuk melaksanakan perubahan kepada kakitangan, pengoperasian syarikat dan perubahan ke atas organisasi itu sendiri dengan tujuan mewujudkan kesedaran dalam kalangan pekerja bahawa tingkah laku jenayah adalah sama sekali tidak diterima dalam organisasi dan pesalah akan dihukum dengan sewajarnya.

Principles of Federal Prosecution juga memperuntukkan bahawa pendakwa raya boleh mempertimbangkan kesediaan individu yang terlibat atau defendan untuk bekerjasama dalam memutuskan sama ada pendakwaan harus dijalankan dan bagaimana ia harus diselesaikan. Walaupun kesediaan untuk bekerjasama secara sendirinya tidak akan melepaskan seseorang daripada tanggungjawab jenayah, ia boleh diberikan “pertimbangan serius” dalam menilai sama ada PPP wajar diberikan kepada defendan, bergantung kepada sifat dan nilai kerjasama yang ditawarkan. Antara syarikat di AS yang telah ditawarkan NPA/PPP atas kerjasama dan pelaporan sendiri adalah Ralph Laurence Corporation (RLC). Syarikat ini telah dengan segera melaporkan kepada SEC dan memberikan kerjasama yang luar biasa dalam penyiasatan yang dilaksanakan oleh SEC. Ketua Unit FCPA SEC turut menyatakan NPA yang dimeterai antara SEC dengan RLC menjelaskan bahawa program pematuhan yang berkesan termasuk pelaksanaan pelaporan sendiri oleh RLC

memberi faedah kepada RLC untuk mendapatkan NPA.

U.S. Sentencing Guidelines turut mengambil kira kerjasama dan pendedahan sukarela defendan dalam sesuatu kes jenayah. Di bawah § 5K1.1 *U.S. Sentencing Guidelines*, kerjasama defendan, jika cukup penting, boleh membenarkan kerajaan memfailkan usul supaya hukuman ke atas defendan dikurangkan. Selanjutnya, di bawah § 5K2.16 *U.S. Sentencing Guidelines*, pendedahan sukarela defendan berhubung dengan kesalahan sebelum ia ditemui bagi kesalahan yang tidak mungkin akan ditemui tanpa pendedahan sukarela atau melalui pelaporan sendiri turut memungkinkan pengurangan hukuman ke atas defendan. Bagi maksud PPP, *Sentencing Guidelines* akan terpakai dalam pengiraan untuk pengenaan penalti kewangan. Sebagai contoh, berdasarkan PPP antara SEC dan Samsung Heavy Industries Co. Ltd. (Samsung), Samsung perlu membayar sejumlah \$75,481,600 setelah mengambil kira faktor tertentu seperti kerjasama penuh yang diberikan oleh Samsung kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Dalam kes ini, kegagalan Samsung untuk membuat pendedahan maklumat yang berkaitan secara sukarela dan tepat pada masanya kepada pihak berkuasa yang berkenaan turut menjadi faktor yang dipertimbangkan dalam pengenaan kadar penalti tersebut. Begitu juga dalam kes *Johson & Johson*, *Johson & Johson* telah mendapat diskaun 25% bagi penalti kewangan disebabkan pelaporan sendiri yang menyeluruh yang diberikan olehnya (Peter R. Reily, 2016). Hal ini menunjukkan bahawa pelaporan sendiri memainkan peranan yang sangat penting dalam penguatkuasaan PPP.

Selain itu, pengkreditan pendedahan sendiri secara sukarela atas salah laku oleh syarikat-syarikat secara tidak langsung dapat meningkatkan akauntabiliti individu dalam sesebuah syarikat. Timbalan Peguam Negara DOJ, pada 15 September 2022 melalui Memorandum bertajuk “*Further Revisions to*

Corporate Criminal Enforcement Policies Following Discussions with Corporate Crime Advisory Group,” yang turut dikenali sebagai *Monaco Memo* telah menetapkan kriteria yang digunakan oleh USAO dalam menentukan resolusi yang sesuai untuk organisasi yang membuat pelaporan sendiri. Dalam kes-kes yang melibatkan syarikat yang sedang disiasat secara bersama oleh USAO dan mana-mana komponen lain dalam DOJ, atau dalam keadaan salah laku yang dilaporkan oleh syarikat itu tertakluk kepada dasar pelaporan sendiri yang ditadbir oleh pihak berkuasa yang lain, USAO akan bekerjasama dengan, atau, jika perlu, mendapatkan kelulusan daripada, komponen yang bertanggungjawab dalam mempertimbangkan sesuatu penyelesaian ke atas syarikat yang berkenaan (Monaco, 2015).

Selanjutnya, berhubung dengan kerangka SEC dalam menilai kerjasama oleh syarikat-syarikat pula ditetapkan dalam Laporan Penyiasatan 2001 mengikut seksyen 21(a) *Securities Exchange Act 1934* dan *Commission Statement on the Relationship of Cooperation to Agency Enforcement Decisions*, yang dikenali sebagai Laporan *Seaboard*. Garis Panduan FCPA menyatakan bahawa Laporan *Seaboard* tersebut menjelaskan, antara lain mengenai keputusan SEC untuk tidak mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap syarikat awam atas pelanggaran perakaunan tertentu yang disebabkan oleh anak syarikatnya dan faktor yang dipertimbangkan oleh SEC dalam menentukan sama ada, dan sejauh mana SEC memberikan kelonggaran kepada syarikat yang bekerjasama dalam penyiasatannya. Laporan tersebut juga secara khusus, telah mengenal pasti empat kayu ukur utama kerjasama syarikat, termasuklah pelaporan sendiri terhadap salah laku apabila ia dikesan atau ditemui, yang turut merangkumi pelaksanaan kajian menyeluruh mengenai sifat, tahap, asal-usul, dan akibat salah laku tersebut, dan dengan segera, sepenuhnya, dan efektif mendedahkan salah laku tersebut

kepada awam, agensi pengawalseliaan, dan organisasi pengawalan sendiri (SEC, 2024).

Pada 3 Mac 2023, satu undang-undang berkenaan dengan PPP telah dikuatkuasakan di New Jersey, yang dinamakan sebagai *Criminal Justice (Deferred Prosecution Agreements) (Jersey) Law 2023* (DPA Law). DPA Law mewajibkan laporan sendiri oleh entiti untuk kesalahan ekonomi dan kewangan tertentu dan bukti yang dikemukakan dalam pelaporan sendiri akan diguna pakai untuk pendakwaan terhadap organisasi komersial yang berkenaan. Dalam hal ini, pintu kepada PPP akan tertutup sekiranya pihak pendakwaan telah memulakan siasatan sebelum pendedahan maklumat secara sendiri dibuat oleh sesebuah organisasi (Bastian Hertstein, Matthew Berry & Sam C Brown, 2024).

Komitmen berterusan dan keseriusan pihak berkuasa di AS dalam usaha mencegah dan menangani salah laku/jenayah korporat ditonjolkan lagi dengan pengumuman yang dibuat oleh Timbalan Peguam Negara DOJ, Lisa O. Monaco pada Oktober 2023 mengenai satu polisi baharu yang dikenali sebagai *Safe Harbour Policy* bagi pelaporan sendiri secara sukarela yang berhubung dengan penggabungan dan pengambilalihan syarikat. Secara umumnya, polisi ini bertujuan memberi insentif kepada pihak yang mengambil alih syarikat untuk mendedahkan salah laku yang ditemui semasa proses penggabungan dan pengambilalihan syarikat tepat pada masanya. Dalam hal ini, tempoh untuk membuat pelaporan sendiri oleh pihak yang mengambil alih syarikat adalah enam bulan dari penutupan transaksi tanpa mengambil kira salah laku itu ditemui sebelum atau selepas proses pengambilalihan. Syarikat kemudiannya mempunyai tempoh setahun untuk meremedikan sepenuhnya salah laku yang telah berlaku. Tertakluk kepada analisis munasabah dan bergantung kepada fakta, keadaan dan kompleksiti kes, khususnya yang tidak melibatkan ancaman kepada

negara atau boleh mengundang bahaya yang besar, tempoh ini juga boleh dilanjutkan oleh DOJ sewajarnya. Polisi ini juga hanya terpakai bagi pengambil alihan syarikat yang dibuat dengan suci hati dan salah laku ditemui dalam tempoh berlakunya transaksi penggabungan dan pengambilalihan dan tidak terpakai dalam salah laku yang telah didedahkan sebelumnya kepada DOJ atau telah diketahui umum (DOJ, 2023).

Pada bulan April 2024, DOJ juga telah melancarkan program rintis yang dikenali sebagai *Criminal Division's Voluntary Self-Disclosures Pilot Program*. Di bawah program ini, individu yang didapati bersalah akan ditawarkan NPA jika mereka (i) sukarela; (ii) jujur; (iii) ~~dan~~ mendedahkan sendiri maklumat salah laku secara sepenuhnya kepada pihak penguatkuasa; (iv) memberi kerjasama penuh dan bantuan kepada pihak penguatkuasa dalam hal tindakan terhadap pesalah lain yang terlibat; dan (v) melucutkan sebarang keuntungan yang diperoleh secara haram serta memberi pampasan kepada mangsa. Pelaksanaan pelaporan sendiri ini juga dilaksanakan selaras dengan *Corporate Enforcement Policy* yang dikeluarkan oleh DOJ (DOJ, 2024).

Berdasarkan ketetapan serta dokumen perundangan, garis panduan dan arahan pentadbiran yang dikeluarkan di AS bagi maksud pelaksanaan pelaporan sendiri dalam konteks PPP, adalah jelas menunjukkan bahawa pelaporan sendiri secara sukarela amat dititikberatkan di AS dalam membantu pihak penyiasatan dan pendakwaan menangani jenayah korporat. Dalam hal ini, pelaporan sendiri dapat membantu penyiasat dan pendakwa raya mengenal pasti salah laku korporat yang tidak berjaya ditemui; meningkatkan kebarangkalian untuk mendakwa pesalah yang bertanggungjawab; dan membantu syarikat meremedikan salah laku yang ditemui dengan segera dan menyeluruh melalui pematuhan dan audit dalaman.

Namun begitu, tiada suatu data imperikal yang membuktikan kejayaan pihak pendakwaan dalam mencapai matlamat ini. Berbeza dengan pihak syarikat, pelaksanaan pelaporan sendiri secara sukarela terbukti dapat menyelamatkan syarikat daripada pendakwaan dan sabitan. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa penghakiman berhubung dengan kelulusan PPP yang melibatkan, antara lain, syarikat RLC, SAP SE, E-bay Inc dan Tenaris, S.A.

KEDUDUKAN PELAKSANAAN PELAPORAN KENDIRI DI UK

Di UK, PPP telah diperkenalkan sebagai suatu instrumen pilihan kepada pihak pendakwaan dalam menangani jenayah rasuah, khususnya yang melibatkan entiti korporat (Megan Jean Parker & Mary Dodge, 2022). Salah satu daripada matlamat utama Kerajaan UK adalah untuk memastikan PPP menawarkan badan-badan korporat mekanisme yang ampuh dalam menangani salah laku lampau dengan proaktif dan efektif (Judith & Andris, 2024). Oleh itu, selaku pihak berkuasa utama di UK yang bertanggungjawab menyasat dan mendakwa kes yang melibatkan salah laku korporat seperti rasuah serta terlibat secara langsung dalam pelaksanaan PPP, SFO turut menggalakkan syarikat-syarikat untuk melaksanakan pelaporan sendiri secara sukarela atas apa-apa kesalahan jenayah yang berlaku dalam organisasi masing-masing.

Bagi memastikan pelaporan sendiri dilaksanakan dengan efektif, pada Julai 2009, SFO telah menerbitkan satu dokumen bertajuk "*Approach of the Serious Fraud Office to dealing with Overseas Corruption*", atau lebih dikenali dengan "Self-reporting Guidelines" ("SRG"). SRG merupakan garis panduan pertama yang dikeluarkan oleh SFO berhubung dengan sistem pelaporan sendiri bagi kes yang melibatkan rasuah di luar negara. SRG bertujuan untuk menggalakkan syarikat membuat pelaporan sendiri dengan

memberikan insentif kepada syarikat tersebut. Dalam hal ini, syarikat yang menemukan apa-apa isu rasuah di luar negara dan melaporkan kepada SFO layak mendapatkan penyelesaian sivil bagi menggantikan pendakwaan terhadap syarikat itu, sebagai balasan atas kerjasama penuh dan telus yang diberikan olehnya; atau menerima pengakuan bersalah dengan hukuman yang lebih rendah daripada yang mungkin dikenakan terhadapnya sekiranya pendakwaan diteruskan.

Lanjutan itu, selepas PPP diperkenalkan di bawah CCA pula, SFO telah mengeluarkan satu kod amalan yang dinamakan dengan *Deferred Prosecution Agreement Code of Practice* (CP) yang turut menggariskan perkara berkenaan dengan pelaporan sendiri sebagai panduan kepada pihak pendakwa raya dalam mempertimbangkan penawaran DPA kepada sesebuah syarikat. Perenggan 2.9.1, 2.9.2 dan 2.9.3 CP memperuntukkan bahawa dalam mempertimbangkan apa-apa maklumat yang diterima oleh mana-mana orang, pendakwa raya dikehendaki mengambil kira keseluruhan maklumat yang dikemukakan kepadanya memandangkan pelaporan sendiri akan membawa kepada pendakwaan ke atas individu tertentu; memastikan bahawa pelapor tidak menyembunyikan maklumat yang boleh menjejaskan penyiasatan serta pendakwaan terhadap individu yang berkenaan; dan mempertimbangkan seberapa segera pelaporan sendiri itu dibuat serta tahap kerjasama yang diberikan oleh pelapor sejak peringkat awal penyiasatan. Pertimbangan juga perlu dibuat oleh pihak pendakwa raya sama ada apa-apa maklumat yang tidak dilaporkan secara sendiri lebih awal boleh memprejudis penyiasatan dan pendakwaan terhadap individu yang berkenaan. Secara khususnya, pendakwa raya hendaklah menilai secara kritis cara siasatan dalaman dilaksanakan untuk menentukan sama ada tindakan pelapor boleh menyebabkan kemusnahan ke atas apa-apa maklumat yang berkaitan; atau sama ada terdapat

kemungkinan berlakunya kelewatan di pihak pendakwa untuk mendapatkan keterangan awal daripada suspek yang boleh membuka ruang kepada sebarang perubahan fakta.

Selanjutnya, dalam menentukan sama ada sesuatu syarikat itu perlu didakwa atau sebaliknya atas sesuatu kesalahan jenayah, SFO juga dari segi dasarnya akan mengambil kira fakta bahawa badan korporat telah melaporkan dirinya sendiri selaras dengan *Guidance on Corporate Prosecution* (GCP) dan *Bribery Act 2010: Joint Prosecution Guidance of The Director of the Serious Fraud Office and The Director of Public Prosecutions* (JPG). Berdasarkan GCP dan JPG, adalah diperhatikan dalam mempertimbangkan sama ada pelaporan sendiri wajar diberikan kepada sesebuah organisasi, antara faktor terpenting yang hendaklah diambil kira adalah kepentingan awam. Dalam penghakiman kes berhubung dengan kelulusan PPP antara Pengarah SFO dan Airbus SE, Yang Arif Dame Victoria Sharp menyatakan bahawa tujuan utama PPP adalah untuk menggalakkan pendedahan dan pelaporan sendiri akan salah laku korporat. Pelaporan sendiri serta tahap dan kualiti kerjasama yang diberikan oleh sesebuah organisasi boleh menjadi faktor kritikal dalam mempertimbangkan kepentingan keadilan. Hal ini kerana dalam keadaan tertentu, pihak penyiasatan dan pendakwaan mungkin menerima pelaporan sendiri tetapi tidak mendapatkan kerjasama penuh daripada syarikat yang berkenaan. Keadaan juga boleh berlaku sebaliknya, walaupun tiada pelaporan sendiri, kerjasama yang diberikan oleh syarikat dapat membantu ke arah pendakwaan dan sabitan individu yang berkenaan.

Selaras dengan GCP dan JPG, tindakan pelaporan sendiri hendaklah menjadi sebahagian daripada pendekatan proaktif yang diambil oleh pasukan pengurusan korporat apabila sesuatu kesalahan jenayah itu dibawa kepada perhatian mereka. Dalam hal ini,

pertimbangan sama ada badan korporat yang membuat laporan sendiri itu adalah benar-benar proaktif akan ditentukan melalui penilaian yang dibuat oleh pihak pendakwa raya dengan mengambil kira sama ada maklumat yang mencukupi telah disediakan oleh pihak syarikat yang berkenaan, termasuk saksi-saksi yang terlibat dalam mendedahkan butiran sebarang siasatan dalaman dan mengenai operasi syarikat tersebut secara keseluruhan. Selain itu, pihak pendakwa raya juga akan mengambil kira bahawa kegagalan untuk melaporkan kesalahan secara tepat dan sepenuhnya berhubung dengan sejauh mana kesalahan itu berlaku dan kegagalan untuk melaporkan kesalahan dalam tempoh masa yang munasabah setelah kesalahan tersebut diketahui merupakan faktor kepentingan awam yang menyokong pendakwaan. Dalam hal ini, SFO mungkin mempunyai maklumat mengenai kesalahan dari sumber lain selain daripada pelaporan sendiri oleh syarikat yang berkenaan. Oleh itu, perkara-perkara ini merupakan antara elemen yang sangat penting dan perlu diberi perhatian oleh syarikat dan juga pihak pendakwaan dalam hal pendedahan maklumat yang penting, khususnya bagi maklumat yang tiada dalam pengetahuan pasukan penyiasatan.

Bagi maksud melaksanakan pelaporan sendiri kepada SFO, syarikat atau badan korporat yang berkenaan hendaklah menyalurkan semua komunikasi dengan menggunakan borang khusus melalui Unit Perisikan SFO (*SFO's Intelligence Unit*) yang bertanggungjawab mengendalikan pelaporan sendiri. Dalam hal ini, semua salinan keras laporan yang memperincikan sifat dan skop sebarang siasatan dalaman, semua keterangan sokongan termasuk, tetapi tidak terhad kepada e-mel, bukti perbankan dan akaun-akaun saksi dan semua keterangan sokongan tambahan sepanjang pelaksanaan apa-apa siasatan dalaman yang berkaitan dengan pelaporan sendiri yang dibuat hendaklah diserahkan kepada Unit Perisikan SFO. Sungguhpun begitu, pelaporan sendiri tidaklah semestinya menjamin bahawa

syarikat itu tidak akan didakwa. Hal ini bergantung kepada fakta bagi setiap kes. Selain daripada maklumat-maklumat yang dinyatakan di atas, SFO tidak akan menasihati syarikat atau penasihat mereka berhubung dengan format yang dikehendaki untuk membuat pelaporan sendiri dan berkenaan dengan hasil pelaporan sendiri tersebut sehinggalah semua proses selesai.

Di samping itu, tiada pendekatan yang tepat dalam menyasat pelapor atau pemberi maklumat. Hal ini bergantung kepada faktor tertentu termasuk bidang kuasa, kakitangan dan bidang perniagaan yang terlibat. Antara perkara yang boleh diberi pertimbangan oleh syarikat dalam mendedahkan suatu salah laku, dan untuk melindungi kepentingan syarikat tersebut adalah komunikasi yang jelas dengan saluran pendedahan maklumat yang berkesan; protokol dan struktur yang jelas bagi mengkoordinasikan maklumat yang didedahkan dan mekanisme untuk menangani salah laku yang berlaku; dan penglibatan pengurusan tertinggi bagi memastikan maklumat yang didedahkan dapat ditangani dengan sewajarnya (Amanda, 2022). Sungguhpun pelaporan sendiri tidak menjamin sepenuhnya kejayaan untuk memperoleh PPP, namun ia juga bukan semata-mata faktor yang menjadi penghalang untuk sesebuah syarikat memasuki rundingan PPP dan memeterainya. Selain pelaporan sendiri, kerjasama penuh dengan pihak penyiasatan juga merupakan antara faktor yang mendorong kejayaan tersebut. Hal ini terbukti dengan penghakiman dan kelulusan PPP oleh mahkamah yang melibatkan beberapa syarikat besar dan ternama di UK.

Antara syarikat tersebut adalah Rolls-Royce Plc (RR). Hakim yang membicarakan kes ini telah mengiktiraf kerjasama luar biasa yang diberikan oleh RR dalam kes ini walaupun tiada pelaporan sendiri dibuat oleh RR sebelum siasatan ke atasnya bermula sehingga RR berjaya mendapat diskaun 50% bagi bayaran penalti di bawah PPP. Dalam

hal ini, Rolls-Royce secara sukarela (selepas siasatan bermula) telah mendedahkan maklumat yang melibatkan siasatan dalaman ke atas perniagaannya yang diputuskan oleh mahkamah sebagai jauh lebih luas daripada yang dikenal pasti dalam domain awam. Maklumat tersebut adalah termasuk laporan bertulis yang mendedahkan perbuatan rasuah yang berlaku dan laporan yang berkaitan dengan salah laku yang diketahui oleh Rolls-Royce sejak 2010 dan sebelumnya, tetapi telah tidak didedahkan oleh kepimpinan yang menerajui syarikat itu sebelum ini. Sungguhpun begitu, hakim dalam kes ini tidak menafikan kepentingan pelaporan kendiri oleh sesebuah syarikat dan telah memetik penghakiman Sir Edward dalam kes *SFO v Standard Bank plc* dan *SFO v XYZ Ltd*. Menurut Sir Edward, pelaporan kendiri amat penting dalam konteks penyiasatan dan pendakwaan kes-kes rasuah yang kompleks dengan tujuan membawa lebih banyak maklumat kepada perhatian agensi penguatkuasaan undang-undang supaya jenayah dapat disiasat dengan betul serta didakwa dengan berkesan.

Turut diperhatikan, pelaporan kendiri secara sukarela juga menjadi pra-syarat untuk membolehkan syarikat memasuki rundingan PPP. Sebagai contoh, dalam kes *Standard Bank*, penglibatan dan kerjasama yang menyeluruh dan telus oleh *Standard Bank* dengan pihak SFO sejak peringkat awal siasatan menyebabkan Yang Arif Leveson P telah meluluskan PPP antara SFO dengan *Standard Bank*. Beliau turut menekankan bahawa perkara yang paling penting adalah kepantasan melaksanakan pelaporan kendiri, penyiasatan dalaman yang didedahkan dengan sepenuhnya dan kerjasama yang diberikan oleh *Standard Bank*. Kes ini juga telah menjadi 'templat' atau rujukan kepada SFO bahawa pelaporan kendiri dan kerjasama menyeluruh merupakan faktor terpenting dalam memutuskan kewajaran untuk memasuki rundingan PPP bagi kes-kes yang akan datang. Pelaporan kendiri juga secara jelasnya memperuntukkan suatu mekanisme

untuk mengenal pasti jenayah yang tidak diketahui. Oleh itu, melalui pelaporan kendiri, syarikat dan pihak berkuasa boleh memperoleh penyelesaian yang lebih cepat dan lebih pasti melalui PPP (Colin King & Nicholas Lord, 2020).

Begitu juga dengan *Serco Geografix* (*Serco*). SFO telah mengiktiraf kerjasama meluas *Serco* dan siasatan dalaman menyeluruh yang dijalankan oleh syarikat itu, termasuk secara sukarela memberikan bukti berkenaan dengan salah laku yang berlaku yang membawa kepada kelulusan PPP oleh mahkamah. Keadaan berbeza dengan *Skansen Interiors Ltd* (*Skansen*) yang telah disabitkan di bawah seksyen 7 *United Kingdom Bribery Act 2010* (UKBA) walaupun syarikat itu menghujahkan bahawa dia telah melaksanakan pelaporan kendiri sebagai salah satu justifikasi untuk membela diri (Low & Low, 2020). Hal ini bermakna, di peringkat awal kes lagi, *Skansen* telah tidak ditawarkan dengan PPP. *Crown Prosecution Service* menjelaskan bahawa keputusan mereka untuk mendakwa *Skansen* dan tidak meneruskan PPP adalah atas alasan bahawa *Skansen* merupakan sebuah syarikat dorman dan tidak boleh membayar denda mahupun mematuhi terma PPP. Pada masa yang sama, keputusan ini turut memberi mesej kepada syarikat lain tentang kepentingan untuk mewujudkan tatacara anti-rasuah dalam organisasi masing-masing (Seddon & Inavovs, 2022).

Berdasarkan penghakiman mahkamah dalam kes-kes yang melibatkan kelulusan PPP sebagaimana dibincangkan di atas, adalah jelas bahawa pelaporan kendiri bukan merupakan satu-satunya faktor yang diberi pertimbangan oleh mahkamah dalam meluluskan PPP kepada sesebuah syarikat yang terlibat dalam salah laku korporat. Aspek kerjasama penuh dengan pasukan penyiasatan yang boleh membawa kepada pendedahan maklumat tertentu dalam mengheret pesalah yang terlibat ke muka pengadilan juga turut menjadi pertimbangan yang dititikberatkan oleh mahkamah dengan

mengambil kira aspek kepentingan awam dan kepentingan keadilan.

CABARAN PELAKSANAAN PELAPORAN KENDIRI

Pengenalan PPP dihasratkan dapat menggalakkan pelaporan sendiri oleh syarikat atau badan korporat, yang secara tidak langsung boleh meningkatkan jumlah PPP walaupun pada hakikatnya tidak semua pelaporan sendiri akan menyumbang kepada perundangan PPP (Liz, 2021). Dalam melaksanakan perkiraan ini, tentunya pihak kerajaan/pendakwa raya/pihak berkuasa mahupun syarikat itu sendiri menghadapi risiko dan cabaran tertentu, antaranya seperti yang berikut:

1. Risiko pendakwaan: syarikat yang mendedahkan atau melaksanakan pelaporan sendiri secara sukarela tidak mempunyai jaminan bahawa PPP akan ditawarkan kepada syarikat itu. Keputusan untuk menawarkan PPP kepada syarikat sangat bergantung kepada sejauh mana maklumat yang didedahkan itu lengkap dan komprehensif, didedahkan dengan awal dan tepat pada masanya, di samping turut mengambil kira akan keaslian dan keabsahan laporan sendiri yang diterima itu. Sekalipun syarikat berjaya memperoleh PPP, syarikat mungkin tidak beroleh kredit pendedahan sukarela kerana tidak melaksanakan pelaporan sendiri dan tidak mendedahkan maklumat salah laku yang berkaitan kepada *Fraud Section* dalam tempoh yang sepatutnya. Hal ini dapat dilihat dalam PPP yang dimasuki antara *United States Amerika and Samsung Heavy Industries Co. Ltd.*
2. Pertimbangan antara pendedahan dan keistimewaan profesionalisme undang-undang: dalam memastikan syarikat terlepas daripada pendakwaan, ia perlu memberi

kerjasama yang jitu kepada pihak berkuasa yang berkenaan untuk melaporkan maklumat yang berkaitan dengan salah laku yang berlaku dalam syarikat. Namun begitu, syarikat mungkin berhadapan dengan dilema antara melaksanakan pendedahan secara penuh mahupun mengekalkan kesitimewaan profesionalisme undang-undang memandangkan pendedahan maklumat yang berkaitan boleh termasuk maklumat sulit dan rahsia syarikat serta pihak berkepentingan yang berkenaan (Chua et. al., 2019).

3. Pematuhan terma PPP: setelah syarikat beroleh PPP, maka syarikat perlu mematuhi terma-terma yang telah ditetapkan dan dipersetujui secara bersama dengan pihak berkuasa yang berkenaan atau yang telah diluluskan oleh mahkamah. Dalam hal ini, pematuhan terhadap terma-terma yang diperuntukkan dalam PPP amat penting bagi memastikan tindakan pendedahan yang dilaksanakan oleh syarikat sebelum ini tidak sia-sia kerana kegagalan syarikat mematuhi mana-mana terma dalam PPP boleh menyebabkan pendakwaan ke atasnya diteruskan yang boleh menjejaskan reputasi dan kewangan syarikat (Andreas, 2021). Hal ini memerlukan komitmen berterusan daripada pihak syarikat di semua peringkat untuk memperbaiki dan meremedikan kesalahan yang telah berlaku dan mengekalkan pematuhan sepanjang tempoh PPP, khususnya dari aspek kerjasama dengan kerajaan/pendakwa raya/pihak berkuasa yang berkenaan (King & Lord, 2018). Namun demikian, pada masa yang sama, pelaporan sendiri boleh menjadi cabaran besar kepada syarikat apabila perlu mendedahkan maklumat-maklumat tertentu yang sulit dan eksklusif kepada

- kerajaan/pendakwa raya/pihak berkuasa yang berkenaan.
4. Tempoh masa dan ketepatan maklumat: di pihak kerajaan/pendakwa raya/penyiasat, tempoh untuk mengendalikan sesuatu kes amat bergantung kepada sejauh mana maklumat yang dilaporkan itu tepat dan komprehensif. Sungguhpun pelaporan kendiri telah dibuat, kerajaan/pendakwa raya/penyiasat hendaklah memastikan bahawa laporan yang diterima itu benar, tepat dan komprehensif (Chua et. al, 2019). Sehubungan dengan itu, pihak pendakwaan/penyiasat perlu meneliti setiap maklumat yang dilaporkan dengan penuh berhati-hati dan cermat dengan melaksanakan ketekunan wajar tanpa semata-mata bergantung kepada pelapor maklumat sahaja. Hal ini bagi memastikan siasatan yang dilaksanakan oleh mereka memberi impak yang signifikan ke arah memastikan kejayaan pihak kerajaan/pendakwaan/penyiasat dalam membanteras jenayah korporat.
 5. Kerjasama daripada syarikat: antara perkara penting dalam sesuatu siasatan yang melibatkan salah laku atau jenayah korporat adalah mendapatkan kerjasama daripada pihak syarikat. Tanpa kerjasama yang baik dari syarikat yang terlibat dalam salah laku akan menyukarkan pihak kerajaan/pendakwa raya/penyiasat untuk melaksanakan tugas masing-masing khususnya dalam memberi pertimbangan sama ada pendakwaan ke atas syarikat wajar diteruskan atau sebaliknya pendakwaan diketepikan bagi menawarkan PPP kepada syarikat itu. Dalam hal ini, pihak pendakwa raya perlu mengimbangi matlamat untuk menggalakkan pelaporan kendiri dengan matlamat menghalang salah laku jenayah dengan mengambil kira semua keperluan yang digariskan dalam

undang-undang dan mandat yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan supaya setiap proses dan pertimbangan dilaksanakan dengan cermat dan adil serta selaras dengan undang-undang yang berkuat kuasa (DOJ, 2024).

KEPENTINGAN PELAPORAN KENDIRI

Secara umumnya, pelaporan kendiri atas suatu salah laku jenayah korporat oleh syarikat memberi peluang kepada syarikat untuk memasuki DPAPPP, mendapat pengurangan apa-apa penalti kewangan, meminimumkan risiko kejatuhan reputasi syarikat (Amanda, 2022). Sekiranya dilaksanakan dengan proaktif oleh syarikat, ia mempamerkan kesediaan syarikat untuk membantu pihak berkuasa dalam penyiasatan dan penguatkuasaan yang berkesan serta meremedikan salah laku yang telah berlaku untuk mengekang salah laku lain di masa akan datang. Hal ini sekaligus akan memberi impak positif kepada syarikat dalam memperoleh kredit kerjasama yang boleh membawa kepada pengurangan penalti atau denda ke atas syarikat yang berkenaan (Werle, 2019). Sebagai contoh Corsa Coal Corporation tidak didakwa kerana melanggar FCPA disebabkan syarikat itu telah membuat pelaporan kendiri berhubung dengan salah laku oleh individu termasuk dua bekas timbalan presiden syarikat dengan segera (Lisa O. Monaco, 2023).

Di pihak pendakwa raya, pelaporan kendiri dalam PPP akan dapat membantu pihak pendakwaan membawa lebih banyak kes ke muka pengadilan dan dapat menangani sesuatu kes jenayah korporat dengan lebih berkesan di samping menjimatkan masa dan kos (UK, Ministry of Justice, 2023). Hal ini kerana pelaporan kendiri membolehkan pihak kerajaan/pendakwa raya/penyiasatan memperoleh maklumat yang penting dan signifikan dengan cepat di samping dapat mengenal pasti bukti dan keterangan yang berkaitan serta membantu ke arah

penyiasatan yang lebih efisien (Evangelista et. al., 2023). Pada masa yang sama hal ini dapat menjunjung prinsip kepentingan keadilan dalam mengendalikan kes salah laku jenayah dalam kalangan syarikat dan badan korporat (Reilly, 2015).

KAJIAN KES BERHUBUNG DENGAN PELAPORAN KENDIRI DI AS DAN UK

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, pelaksanaan pelaporan sendiri oleh

syarikat atau badan korporat di AS dan UK menjadi salah satu pertimbangan oleh pihak pendakwaan dalam menawarkan PPP dan memberi kredit kepada syarikat atau badan korporat. Antara Syarikat yang telah memasuki PPP atau NPA di AS dan UK dan sama ada syarikat-syarikat tersebut melaksanakan pelaporan sendiri dapat dilihat dalam kes-kes yang berikut:

JADUAL 1. Pelaksanaan Pelaporan Kendiri oleh beberapa syarikat yang telah memasuki PPP atau NPA di AS dan UK

SYARIKAT/TAHUN	KESALAHAN	PELAPORAN KENDIRI
Amerika Syarikat		
American Online, Inc (2004)	<ul style="list-style-type: none"> Membantu dan bersubhat dalam penipuan sekuriti yang bersalahan dengan seksyen 2, <i>Title 18, United States Code</i>, seksyen 78j(b) dan 78ff, <i>Title 15 United States Code</i> dan seksyen 240.10b-5 <i>Title 17 Code of Federal Regulations</i>. 	Tiada
Tenaris, S.A.	<ul style="list-style-type: none"> Melakukan kesalahan di bawah seksyen 13(b)(2)(A), 13(b)(2)(B) and 30A <i>Securities Exchange Act of 1934</i> dengan membuat pembayaran kepada pegawai Kerajaan Uzbekistan bagi memperoleh faedah dalam proses bidaan perolehan Kerajaan Uzbekistan dan gagal menyimpan buku dan rekod transaksi-transaksi yang berkaitan, dan gagal melaksanakan kawalan dalaman bagi memastikan transaksi-transaksi tersebut diluluskan oleh pihak pengurusan dengan sewajarnya dan penyata kewangan disediakan selaras dengan prinsip perakaunan. 	Ya
Ralph Lauren Corporation (2013)	<ul style="list-style-type: none"> Kesalahan rasuah yang bersalahan dengan FCPA. 	Ya
Rolls-Royce Plc (2016)	<ul style="list-style-type: none"> Konspirasi melanggar FCPA yang bersalahan dengan seksyen 78dd-2 dan 78dd-3, <i>Title 15 United States Code</i> dan seksyen 371, <i>Title 18, United States Code</i>. 	Tiada
Samsung Heavy Industries Co. Ltd. (2019)	<ul style="list-style-type: none"> Konspirasi melanggar seksyen 18 U.S.C. § 371. 	Tiada
JP Morgan Chase & Co. (2020)	<ul style="list-style-type: none"> Penipuan yang bersalahan dengan seksyen 1343, <i>Title 18, United States Code</i>. 	Tiada
Herbalife Nutrition Ltd. (2020)	<ul style="list-style-type: none"> Konspirasi melakukan penipuan yang bersalahan dengan FCPA dan seksyen 371, <i>Title 18, United States Code</i>. 	Tiada
The Boeing Company (2021)	<ul style="list-style-type: none"> Konspirasi melakukan penipuan yang bersalahan dengan seksyen 371, <i>Title 18, United States Code</i>. 	Tiada
Credit Suisse Group AG (2021)	<ul style="list-style-type: none"> Penipuan yang bersalahan dengan seksyen 1349, <i>Title 18, United States Code</i>. 	Tiada
ABB Ltd. (2022)	<ul style="list-style-type: none"> Konspirasi melanggar FCPA yang bersalahan dengan seksyen 371, <i>Title 18, United States Code</i>. 	Tiada

Aylo Holdings A.S.R.L (2023)	<ul style="list-style-type: none"> • Terlibat dengan transaksi kewangan haram yang bersalahan dengan seksyen 1957, <i>Title 18, United States Code</i>. 	Tiada
SAP SE (2024)	<ul style="list-style-type: none"> • Konspirasi melakukan penipuan yang bersalahan dengan FCPA dan seksyen 371, <i>Title 18, United States Code</i>. 	Ya
Ebay Inc. (2024)	<ul style="list-style-type: none"> • Serangan hendap merentasi negara dengan niat mengganggu dan menakut-nakutkan saksi yang bersalahan dengan seksyen 226 1A(1)(B), <i>Title 18, United States Code</i>. • Kesalahan mengganggu dan menakut-nakutkan dengan menggunakan perkhidmatan komunikasi elektronik bersalahan dengan seksyen 2261A(2)(B), <i>Title 18, United States Code</i>. • Mengganggu dan mempengaruhi saksi yang bersalahan dengan seksyen 1512(b)(3), <i>Title 18, United States Code</i>. • Mengubah/meminda dokumen dengan niat menghalag dan mempengaruhi siasatan yang berada di bawah bidang kuasa <i>Federal Bureau of Investigation</i> yang bersalahan dengan seksyen 1519, <i>Title 18, United States Code</i>. 	Ya
United Kingdom		
Standard Bank Plc. (2015)	<ul style="list-style-type: none"> • Gagal mencegah rasuah dalam organisasi komersial yang bersalahan dengan seksyen 7 UKBA. 	Ya
Sarclad Ltd. (2016)	<ul style="list-style-type: none"> • Konspirasi untuk merasuah yang bersalahan dengan seksyen 1 <i>Criminal Law Act 1977</i> dan seksyen 1 UKBA. • Gagal mencegah rasuah dalam organisasi komersial yang bersalahan dengan seksyen 7 UKBA. 	Ya
Rolls-Royce Plc., Rolls-Royce Energy System Inc (2017)	<ul style="list-style-type: none"> • Konspirasi untuk merasuah yang bersalahan dengan seksyen 1 <i>Criminal Law Act 1977</i> dan seksyen 1 UKBA. • Pemalsuan akaun yang bersalahan dengan seksyen 17 <i>Theft Act 1968</i>. • Gagal mencegah rasuah dalam organisasi komersial yang bersalahan dengan seksyen 7 UKBA. 	Tiada
Tesco Plc. (2017)	<ul style="list-style-type: none"> • Pemalsuan akaun yang bersalahan dengan seksyen 17 <i>Theft Act 1968</i>. 	Ya
Serco Geografix Limited (2019)	<ul style="list-style-type: none"> • Penipuan yang bersalahan dengan seksyen 2 <i>Fraud Act 2006</i>. 	Ya
Guralp System Limited (2019)	<ul style="list-style-type: none"> • Konspirasi untuk merasuah yang bersalahan dengan seksyen 1 <i>Criminal Law Act 1977</i>. • Gagal mencegah rasuah dalam organisasi komersial yang bersalahan dengan seksyen 7 UKBA. 	Ya
Airbus SE (2020)	<ul style="list-style-type: none"> • Gagal mencegah rasuah dalam organisasi komersial yang bersalahan dengan seksyen 7 UKBA. 	Ya
G4S Care & Justice Services (UK) Limited (2020)	<ul style="list-style-type: none"> • Penipuan yang bersalahan dengan seksyen 2 <i>Fraud Act 2006</i>. 	Ya
Airline Services Limited (2020)	<ul style="list-style-type: none"> • Gagal mencegah rasuah dalam organisasi komersial yang bersalahan dengan seksyen 7 UKBA. 	Ya


Amec Foster Wheeler Energy Limited (2021)	<ul style="list-style-type: none"> Konspirasi rasuah yang bersalahan dengan seksyen 1(1) <i>Criminal Law Act 1977</i> dan seksyen 1 <i>Prevention of Corruption Act 1906</i>. 	Tiada
BLUU Solutions Limited (2021)	<ul style="list-style-type: none"> Perbuatan rasuah yang bersalahan dengan seksyen 1 UKBA. Gagal mencegah rasuah dalam organisasi komersial yang bersalahan dengan seksyen 7 UKBA. 	/
Tetris Project Limited (2021)	<ul style="list-style-type: none"> Gagal mencegah rasuah dalam organisasi komersial yang bersalahan dengan seksyen 7 UKBA. 	/
Entain Plc (2023)	<ul style="list-style-type: none"> Gagal mencegah rasuah dalam organisasi komersial yang bersalahan dengan seksyen 7 UKBA. 	X

SUMBER: PPP dan NPA yang berkaitan

Berdasarkan semakan terhadap PPP/NPA yang telah dimasuki antara pihak berkuasa yang berkenaan di AS dan UK dengan beberapa syarikat atau badan korporat, diperhatikan kebanyakan syarikat atau badan korporat yang ditawarkan memasuki PPP/NPA telah melaksanakan pelaporan sendiri dengan sewajarnya kepada pihak berkuasa yang berkenaan. Sungguhpun syarikat atau badan korporat tersebut tidak melaksanakan pelaporan sendiri secara sukarela sebelum kes disiasat atau diketahui umum, pihak berkuasa yang berkenaan tetap memberi pertimbangan untuk membenarkan

syarikat-syarikat tersebut memasuki PPP/NPA atas dasar kerjasama yang diberikan oleh mereka semasa penyiasatan dijalankan. Turut diperhatikan bahawa kebanyakan syarikat yang tidak melaksanakan pelaporan sendiri adalah syarikat-syarikat yang beroperasi di AS. Rajah di bawah secara ringkasnya menunjukkan pelaporan sendiri yang dibuat oleh syarikat-syarikat yang dinyatakan dalam jadual di atas mengikut jenis kesalahan.

RAJAH 1. Ringkasan pelaporan sendiri mengikut jenis kesalahan



SUMBER: PPP dan NPA yang berkaitan berdasarkan analisis dalam Jadual 1

Pelaksanaan pelaporan sendiri dalam PPP memainkan peranan yang signifikan

dari aspek penyiasatan dan penguatkuasaan di AS dan UK serta berfungsi sebagai

mekanisme bagi syarikat untuk mengakui dan mendedahkan salah laku yang berlaku dalam syarikat, bekerjasama dengan pihak berkuasa, dan mengelakkan pendakwaan jenayah. Pelaksanaannya secara dinamik juga mampu meningkatkan ketelusan dan perubahan yang penting dalam meremedikan salah laku dan mencegah berulangnya salah laku yang sama dalam sesebuah syarikat atau badan korporat sekaligus membantu meningkatkan penguatkuasaan jenayah dengan lebih berkesan (Masaki Iwasaki, 2020). Hal ini kerana melalui PPP, syarikat yang terlibat dikehendaki mematuhi syarat-syarat tertentu yang telah dipersetujui bersama antara pihak pendakwaan dan syarikat dan/atau diluluskan oleh mahkamah, seperti pembayaran denda dan penalti kewangan, penambahbaikan program pematuhan, bekerjasama dalam penyiasatan yang sedang berjalan dan mendedahkan maklumat tertentu yang penting bagi maksud penyiasatan secara sukarela (SFO, 2020; Masaki Iwasaki, 2020).

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PELAPORAN KENDIRI DALAM PPP

Berdasarkan kajian perbandingan berhubung dengan pelaksanaan pelaporan kendiri dalam PPP di AS dan di UK, adalah diperhatikan terdapat beberapa mandat yang terpakai di kedua-dua negara itu, iaitu melalui garis panduan, kod amalan mahupun arahan yang bersifat pentadbiran. Oleh itu, penguatkuasaan pelaporan kendiri ini wajar diperuntukkan dalam satu garis panduan khusus yang standard yang menggariskan tatacara pelaksanaan yang jelas berhubung dengannya. Hal ini juga bagi memastikan semua organisasi komersial tertakluk kepada syarat dan peraturan yang sama (Gibson Dunn, 2020).

Selain itu, kriteria-kriteria yang membolehkan pelaporan kendiri diberi pertimbangan dalam memperoleh PPP seperti apakah yang dimaksudkan dengan “tepat pada masanya” dan takat maklumat yang perlu diberikan kepada pihak

penyiasatan (Gibson Dunn, 2020). Malahan, adalah wajar faktor-faktor yang telah dipertimbangkan oleh pihak pendakwaan dan/atau mahkamah dalam kes-kes terdahulu turut dilaporkan untuk maklumat umum bagi mendorong organisasi komersial yang lain melaksanakan pelaporan kendiri secara sukarela dan bertindak lebih prokatif. Penambahbaikan lain yang boleh dibuat juga adalah dengan menggalakkan organisasi komersial melaksanakan penyiasatan dalaman secara berkala dan menyeluruh dan membangunkan tatacara yang mencukupi bagi memastikan pelaporan kendiri yang dilaksanakan memberi faedah kepada organisasi komersial itu, khususnya dalam memperoleh PPP dan diskaun bagi penalti kewangan (Liz Campbell, 2021; Masaki Iwasaki, 2020).

Di samping itu, pengawasan oleh badan kehakiman juga dilihat sebagai wajar dan merupakan salah satu elemen penting dalam PPP/NPA bagi maksud ketelusan dan meningkatkan keyakinan awam (Bisgrove & Weekes, 2014). Dari sudut pendakwaan dan penyiasatan, ia penting dalam mencari bukti-bukti material yang akan membantu kes selain menjaga kepentingan keadilan. Dalam hal ini, pelaporan kendiri semata-mata tidak wajar menjadi alasan yang boleh menyebabkan syarikat dinafikan hak untuk memperoleh PPP/NPA, tetapi sebaliknya aspek kerjasama yang diberikan oleh syarikat itu dan kepentingan keadilan perlulah diberi keutamaan sebagaimana dalam RR (Nicholas Lord, 2022). Oleh itu, bagi membolehkan PPP menjadi alat yang berkesan dalam memerangi jenayah korporat, penguatkuasaannya juga mesti disepadukan dengan strategi holistik yang merangkumi usaha penguatkuasaan yang lebih ketat dan piawai pematuhan korporat yang lebih baik. Hal ini bagi mengelakkan PPP disalahgunakan oleh pihak yang berkepentingan sebagai alat untuk membebaskan diri daripada pendakwaan (Xiao, 2013).

Dalam konteks di Malaysia, hasrat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk memperkukuhkan usaha pencegahan rasuah dalam kalangan organisasi komersial dengan memperkenalkan PPP wajar mengambil kira kelebihan dan kelemahan PPP sebagaimana yang dibincangkan di atas. Dalam hal ini, undang-undang dan garis panduan yang jelas perlu digubal bagi memperuntukkan mekanisme dan penguatkuasaan PPP termasuk yang berkaitan dengan pelaporan sendiri oleh syarikat atau badan korporat yang bertujuan untuk memperoleh PPP/NPA. Dalam hal ini, perundangan sedia ada seperti Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) dan Kanun Tatacara Jenayah wajar diteliti untuk mengenal pasti mekanisme yang bersesuaian bagi maksud memperuntukkan PPP dalam kerangka perundangan di Malaysia sebagai pelengkap kepada peruntukan liabiliti korporat di bawah seksyen 17A Akta 694 (Raof et al., 2022; Rajan 2021).

Sebagai alternatif, bagi maksud pelaksanaan pelaporan sendiri dalam konteks undang-undang liabiliti korporat di Malaysia yang diperuntukkan di bawah seksyen 17A Akta 694, pendekatan kondusif yang boleh dipertimbangkan adalah dengan menjadikan pelaporan sendiri sebagai diskaun kepada penalti atau hukuman ke atas sesebuah syarikat yang disabitkan di bawah seksyen 17A Akta 694 (Usharani Balasingam & Vani Rukumani, 2020).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, pelaporan sendiri merupakan suatu mekanisme yang dinamik dan penting untuk meningkatkan tadbir urus korporat yang baik yang dapat dilaksanakan dengan berkesan melalui PPP. Memandangkan pelaksanaannya mempunyai cabaran tertentu, maka pertimbangan yang teliti wajar dilaksanakan bagi meneroka impak dan keberkesanan pelaporan sendiri yang telah dikuatkuasakan oleh negara-negara luar melalui undang-undang sedia ada

dan melalui PPP/NPA yang telah ditandatangani atau yang telah diluluskan oleh mahkamah. Dalam hal ini, impak dan keberkesanan tersebut boleh dilihat dari aspek amalan budaya korporat dalam syarikat ke arah mencapai matlamat pencegahan jenayah korporat dan pematuhan undang-undang yang lebih efektif.

Oleh itu, kajian lanjut emperikal berhubung dengan perkara ini wajar dilaksanakan sebagai asas dan panduan kepada negara-negara lain yang berhasrat mewujudkan PPP dalam kerangka perundangan masing-masing sebagai usaha untuk mencegah dan menangani jenayah korporat. Perbincangan yang lebih terperinci tentang bagaimana PPP boleh melengkapkan mekanisme penguatkuasaan sedia ada dan menyumbang kepada landskap pengawalseliaan yang lebih berkesan akan memberikan pandangan praktikal kepada penggubal dasar dan pengamal undang-undang di negara-negara yang berkenaan, termasuk di Malaysia yang kini sememangnya serius ke arah mewujudkan PPP di Malaysia.

PENGHARGAAN

Para penulis merakamkan penghargaan atas Dana Universiti Penyelidikan iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia untuk pembiayaan di bawah Geran Universiti Penyelidikan (GUP) iaitu GUP-2023-082, dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Malaysia untuk pembiayaan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) iaitu FRGS/1/2023/SSI12/UKM/02/2.

Makalah merupakan kertas yang dibentang dalam Bangi International Conference on Law and Society 2024 (Bangi-ICoLaS 2024).

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis mengisytiharkan tiada konflik kepentingan berbangkit daripada artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Kesemua Penulis mengesahkan penglibatan dalam penulisan artikel ini bermula dari kajian, analisis, penyediaan draf awal manuskrip, semakan ke atas manuskrip sehingga draf akhir dimuktamadkan.

RUJUKAN

- Ardi Ferdian. (2021). Konsep Deferred Prosecution Agreement (DPA) dalam pertanggung-jawaban pidana korporasi sebagai bentuk alternatif penyelesaian sengketa. *Arena Hukum*, 14(3), 534 – 535.
- Arlen, J. (2019). The potential promise and perils of introducing deferred prosecution agreements outside the U.S. (July 29, 2019). NYU School of Law, *Public Law Research Paper No. 19-30*, NYU Law and Economics Research Paper No. 19-29, 2.
- Bernasconi, A. (2019). Deferred prosecution agreements as magic enforcement tool? (Why) should other countries follow the USA (1990), Brazil (2013), Great Britain (2014), France (2016) and Singapore (2018) and introduce DPAs as instrument to settle criminal charges against corporates? *University of Geneva*, 2019.
- Bisgrove, M., & Weekes, M. (2014). Deferred prosecution agreements: A practical consideration. *Criminal Law Review*, 6, 416-438.
- Bisgrove, M., & Weekes, M. (2014). *Crim. L.R.*, Issue 6
- Campbell, L. (2021). Revisiting and re-situating deferred prosecution agreements in Australia: Lessons from England and Wales. *Sydney Law Review*, 43(2), 187.
- Chee Keong Low, & Tak Yip Low. (2020). Corporate criminal liability and Section 17A of the Malaysian Anti-Corruption Commission Act. *Singapore Academy of Law Journal*, 32, 563.
- Chua, E., & Chan, Benedict Wei Qi (2019). Deferred prosecution agreements in Singapore: What is the appropriate standard for judicial approval? *International Commentary on Evidence*, 1-16. <https://doi.org/10.1515/ice-2019-0002>
- Criminal Justice (Deferred Prosecution Agreements) (Jersey) Law 2023.
- Datuk Seri Rajan Navaratnam (2021). A timely consideration for deferred prosecution agreements – Rajan Navaratnam. [theVibes.com. ps://www.thevibes.com/articles/opinion/46455/a-timely-consideration-for-deferred-prosecution-agreements-rajan-navaratnam](https://www.thevibes.com/articles/opinion/46455/a-timely-consideration-for-deferred-prosecution-agreements-rajan-navaratnam)
- Davis, F. (2022). Judicial review of deferred prosecution agreements: A comparative study. *Columbia Journal of Transnational Law*, 60, 751.
- Delaney, R. (2009). Congressional legislation: The next step for corporate deferred prosecution agreements. *Symposium: Criminal Appeals: Past, Present, and Future*, *Marquette Law Review*, 93(2), 875-904.
- Department of Justice. (1999, June 16). *Bringing criminal charges against corporations*. <https://www.justice.gov/sites/default/files/criminal-fraud/legacy/2010/04/11/charging-corps.PDF>
- Department of Justice. (2024, April 22). *Criminal Division's Voluntary Self-Disclosures Pilot Program for Individuals*. <https://www.justice.gov/opa/blog/criminal-divisions-voluntary-self-disclosures-pilot-program-individuals>
- Department of Justice. (2024, Mac). *Enforcement policy for business organizations*. <https://www.justice.gov/nsd/media/1285121/dl?inline>
- Department of Justice. 9-28.000 - Principles of Federal Prosecution Of Business Organizations. <https://www.justice.gov/jm/jm-9->

- 28000-principles-federal-prosecution-business-organizations#9-28.900
- Dunn, G. (2020). The UK Serious Fraud Office 2020 Deferred Prosecution Agreement Guidance: Something old and something new. <https://www.gibsondunn.com/the-uk-serious-fraud-office-2020-deferred-prosecution-agreement-guidance-something-old-and-something-new/>
- Evangelista, A., Good, A., Rawcliffe, B., Skadden, Arps, Slate, Meagher, & Flom LLP. (2023, Februari 23). *DOJ doubles down on efforts to incentivize early self-reporting and cooperation*. Harvard Law School Forum on Corporate Governance. <https://corpgov.law.harvard.edu/2023/02/23/doj-doubles-down-on-efforts-to-incentivize-early-self-reporting-and-cooperation/>
- Ford, C., & Hess, D. (2019). Can corporate monitorships improve corporate compliance? *Journal of Corporation Law*, 34, 2-60.
- Grindler, G. (2010). *Grindler Memorandum for the Heads of Departments*. United States Attorney, Department of Justice.
- Hertstein, B., Berry, M., & Brown, S. C. (2024). Deferred prosecution agreements in Jersey: Ways to buttress the castle. A comparative analysis of regimes for deferred prosecution agreements in Jersey and England and Wales. *Journal of Economic Criminology*, 3, 100046. <https://doi.org/10.1016/j.jeconc.2023.100046>
- Justice Manual, Title 9: Criminal, 9-28.900 - Voluntary Self-Disclosures, DOJ's Principles of Federal Prosecution of Business Organizations dan 9-47.120 - FCPA Corporate Enforcement Policy (CEP).
- King, C., & Lord, N. (2018). *Negotiated justice and corporate crime: The legitimacy of civil recovery orders and deferred prosecution agreements*. Palgrave Macmillan.
- King, C., & Lord, N. (2020). Deferred Prosecution Agreements in England & Wales: Castles made of sand? *Public Law*, 307-330.
- Lord, N. (2023). Prosecution deferred, prosecution exempt: On the interests of (in) justice in the non-trial resolution of transnational corporate bribery. *The British Journal of Criminology*, 63, 848-866. <https://doi.org/10.1093/bjc/azac059>
- Masaki Iwasaki (2020). A model of corporate self-policing and self-reporting. *International Review of Law and Economics*, 63, 105910.
- Memorandum on "Further Revisions to Corporate Criminal Enforcement Policies." (2015). https://www.justice.gov/d9/2023-04/USAO_Voluntary_Self-Disclosure_Policy.pdf
- Ministry of Justice (2012). *Deferred prosecution agreements, government response to the consultation on a new enforcement tool to deal with economic crime committed by commercial organisations*. <https://assets.publishing.service.gov.uk/media/5a7b9381ed915d4147621466/8463.pdf>
- Morford, C. S. (2008). *Morford Memorandum for the Heads of Departments*. United States Attorney, Department of Justice.
- Noor Afiqah Ismail, Mohd Zamre Mohd Zahir, & Hasani Mohd Ali. (2023). Deferred prosecution agreement: A new path to combat corruption in Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication (IJLGC)*, 8. <https://doi.org/10.35631/IJLGC.83100931>
- Norhanan Che Kamaruddin, Mohd Zamre Mohd Zahir, & Hasani Mohd Ali. (2023). Circumstantial evidence to prove the elements of insider trading in Malaysia and Australia. *JUUM*, 33, 49-59.

- NPA antara Division of Enforcement of the United States Securities and Exchange Commission dan Ralph Lauren Corporation, ditandatangani pada 18 April 2013.
- NPA antara National Security Division dan SAP SE.
- Nur Hazirah Ahamad Kuris, Mohd Zamre Mohd Zahir, Hasani Mohd Ali, & Muhamad Sayuti Hassan. (2023). The thin line between corporate gift, hospitality and corruption: A legal study on Malaysia's and the UK's position. *Journal of Money Laundering Control*, 26(4), 719-738. <https://doi.org/10.1108/JMLC-03-2022-0040>
- Office of Public Affairs, Department of Justice (2023). Deputy Attorney General Lisa O. Monaco announces new safe harbor policy for voluntary self-disclosures made in connection with mergers and acquisitions. <https://www.justice.gov/opa/speech/deputy-attorney-general-lisa-o-monaco-announces-new-safe-harbor-policy-vol>
- Oranga, J., & Matere, A. (2023). Qualitative research: Essence, types and advantages. *Open Access Library Journal*, 10(12), 6-7. <https://doi.org/10.4236/oalib.1111001>
- Parker, M. J., & Dodge, M. (2022). An exploratory study of deferred prosecution agreements and the adjudication of corporate crime. *Journal of Financial Crime*. Emerald Publishing Limited.
- Paulsen, E. (2007). Imposing limits on prosecutorial discretion in corporate prosecution agreements. *New York University Law Review*, 82, 1437.
- Penghakiman diluluskan bagi PPP antara Crown Prosecution Services dan Entain Plc. The Crown Court At Southwark mengenai perkara seksyen 45 Crime And Courts Act 2013, Royal Courts of Justice Strand, London, WC2A 2LL, No Kes: U20231779, 5 Disember 2023 (Tarikh pendengaran: 5 Disember 2023 di hadapan Presiden Queen's Bench Division, Rt. Hon. Dame Victoria Sharp).
- Penghakiman diluluskan bagi PPP antara Director of the Serious Fraud Office and Airline Services Limited dan Director of the Serious Fraud Office and Airbus SE.
- Penghakiman diluluskan bagi PPP antara Serious Fraud Office dan Rolls-Royce Plc. & Rolls-Royce Energy Systems Inc.
- Perez, M. A. (2020). The rise and globalization of negotiated settlements: How an American procedure, the Deferred Prosecution Agreement (DPA), became a transnational key tool to fight transnational corporate crimes. *Rule of Law and Anti-Corruption Journal*, 1. <https://doi.org/10.5339/rolacc.2020.4>
- Pernyataan fakta dan penghakiman diluluskan bagi PPP antara Serious Fraud Office dan Standard Bank Plc. The Crown Court At Southwark mengenai perkara seksyen 45 Crime And Courts Act 2013, Royal Courts of Justice Strand, London, WC2A 2LL, No Kes: U20150854, 30 November 2015 (Tarikh pendengaran: 4 November 2015 di hadapan Presiden Queen's Bench Division, Rt. Hon. Sir Brian Leveson).
- Pernyataan fakta dan penghakiman diluluskan bagi PPP antara Serious Fraud Office dan Sarclad Limited. The Crown Court At Southwark mengenai perkara seksyen 45 Crime And Courts Act 2013, Royal Courts of Justice Strand, London, WC2A 2LL, No Kes: U20150854, 11 Julai 2016 (Tarikh pendengaran: 8 Julai 2016 di hadapan Presiden Queen's Bench Division, Rt. Hon. Sir Brian Leveson).
- Pernyataan fakta dan penghakiman diluluskan bagi PPP antara Serious Fraud Office dan Rolls-Royce Plc, Rolls-Royce Energy System Inc. The Crown Court At Southwark mengenai perkara seksyen 45 Crime And Courts

- Act 2013, Royal Courts of Justice Strand, London, WC2A 2LL, No Kes: U20170036, 17 Januari 2017 (Tarikh pendengaran: 17 Januari 2017 di hadapan Presiden Queen's Bench Division, Rt. Hon. Sir Brian Leveson).
- Pernyataan fakta dan penghakiman diluluskan bagi PPP antara Serious Fraud Office dan Tesco Plc. The Crown Court At Southwark mengenai perkara seksyen 45 Crime And Courts Act 2013, Royal Courts of Justice Strand, London, WC2A 2LL, No Kes: U20170280, 10 April 2017 (Tarikh pendengaran: 17 Januari 2017 di hadapan Presiden Queen's Bench Division, Rt. Hon. Sir Brian Leveson).
- Pernyataan fakta dan penghakiman diluluskan bagi PPP antara Serious Fraud Office dan Serco Geografix Limited. The Crown Court At Southwark mengenai perkara seksyen 45 Crime And Courts Act 2013, Royal Courts of Justice Strand, London, WC2A 2LL, No Kes: U20190413, 4 Julai 2019 (Tarikh pendengaran: 27 Jun & 4 Julai 2019 di hadapan Mr. Justice William Davis).
- Pernyataan fakta dan penghakiman diluluskan bagi PPP antara Serious Fraud Office dan Guralp System Limited. The Crown Court At Southwark mengenai perkara seksyen 45 Crime And Courts Act 2013, Royal Courts of Justice Strand, London, WC2A 2LL, No Kes: U20190840, 22 Oktober 2019 (Tarikh pendengaran: 10 & 22 Oktober 2019 di hadapan Mr. Justice William Davis).
- Pernyataan fakta dan penghakiman diluluskan bagi PPP antara Serious Fraud Office dan Airbus SE. The Crown Court At Southwark mengenai perkara seksyen 45 Crime And Courts Act 2013, Royal Courts of Justice Strand, London, WC2A 2LL, No Kes: U20200108, 31 Januari 2020 (Tarikh pendengaran: 31 Januari 2020 di hadapan Presiden Queen's Bench Division, Rt. Hon. Dame Victoria Sharp).
- Pernyataan fakta dan penghakiman diluluskan bagi PPP antara Serious Fraud Office dan G4S Care & Justice Services (UK) Limited. The Crown Court At Southwark mengenai perkara seksyen 45 Crime And Courts Act 2013, Royal Courts of Justice Strand, London, WC2A 2LL, No Kes: U2021392, 17 Julai 2020 (Tarikh pendengaran: 10 & 17 Julai 2020 di hadapan Mr. Justice William Davis).
- Pernyataan fakta dan penghakiman diluluskan bagi PPP antara Serious Fraud Office dan Airline Services Limited. The Crown Court At Southwark mengenai perkara seksyen 45 Crime And Courts Act 2013, Royal Courts of Justice Strand, London, WC2A 2LL, No Kes: U202019, 30 Oktober 2020 (Tarikh pendengaran: 21 & 30 Oktober 2020 di hadapan Mrs. Justice May DB).
- Pernyataan fakta dan penghakiman diluluskan bagi PPP antara Serious Fraud Office dan Amec Foster Wheeler Energy Limited. The Crown Court At Southwark mengenai perkara seksyen 45 Crime And Courts Act 2013, Royal Courts of Justice Strand, London, WC2A 2LL, No Kes: U2021392, 1 Julai 2021 (Tarikh pendengaran: 25 Jun & 1 Julai 2021 di hadapan Rt. Hon. Lord Justice Edis).
- Pernyataan fakta dan PPP antara Serious Fraud Office dan BLUU Solutions Limited, 9 Julai 2021.
- Pernyataan fakta dan PPP antara Serious Fraud Office dan Tetris Project Limited, 9 Julai 2021.
- Plea Agreements—Considerations to be Weighed, Justice Manual, Title 9: Criminal, 9-27.000 Principles of Federal Prosecution.
- PPP antara Securities and Division of Enforcement ("Division") of the United States Securities and Exchange Commission dan Tenaris, S.A. Mac 2011.

- PPP antara Serious Fraud Office dan Rolls-Royce Plc & Rolls-Royce Energy System Inc, Royal Court of Justice, Strand, London, WC2A 2LL, No. Kes: U20170036, 17 Januari 2017.
- PPP antara United States Amerika dan Samsung Heavy Industries Co. Ltd, di the United States District Court For The Eastern District of Virginia, 2019.
- PPP antara United States of America dan ABB. Ltd., dalam The United States District Court For The Eastern District of Virginia, Alexandria Division. No. Kes: I :22-CR-220, 2 Disember 2022.
- PPP antara United States of America dan American Online, Inc. The United States District Court For The Eastern District Of Virginia, Alexandria Division, No. Kes :04 M 1133, 14 Disember 2004.
- PPP antara United States of America dan Ayla Holdings S.A.R.L. No. Kes: 23-CR-463 pada 21 Disember 2023.
- PPP antara United States of America dan Credit Suisse Group AG, dalam The United States District Court, Eastern District of New York, No. Kes: 21-521 (WFK), 19 Oktober 2021.
- PPP antara United States of America dan Herbalife Nutrition Ltd. No. Kes: 1:20-cr-00443 – RNC pada 1 September 2020.
- PPP antara United States of America dan JP Morgan & Co. The United States District Court, District of Connecticut, No. Kes: 3:20-cr-00175 - RNC, 22 September 2020.
- PPP antara United States of America dan JPMorgan Chase & Co., United States District Court District of Connecticut, Criminal No. 3:20-cr-00175 – RNC.
- PPP antara United States of America dan Rolls-Royce Plc. The United States District Court For The Southern District Of Ohio, Eastern Division, No. Kes: 2: 16 CR-247, 20 Disember 2016.
- PPP antara United States of America dan Samsung Heavy Industries Co. Ltd. The United States District Court For The Eastern District of Virginia, Alexandria Division, No. Kes: 1:19-CR-328, 22 November 2019.
- PPP antara United States of America dan SAP SE, dalam The United States District Court For The Eastern District of Virginia, Alexandria Division, No. Kes: I :23-CR-202, 10 Januari 2024.
- PPP antara United States of America dan The Boeing Company. No. Kes: 4:21-CR-005-O pada 7 Januari 2021.
- Qingxiu Bu. (2021). The viability of deferred prosecution agreements (DPAs) in the UK: The impact on global anti bribery compliance. *European Business Organization Law Review*, 22, 173–201. <https://doi.org/10.1007/s40804-021-00203-5>
- Raad, A., Seelinger, S., Feeney, J. O., & Wykowska, Z. (2022). *Global investigation review, self-reporting to the authorities and other disclosure obligations: The US perspective*. <https://globalinvestigationsreview.com/guide/the-practitioners-guide-global-investigations/2022/article/self-reporting-the-authorities-and-other-disclosure-obligations-the-us-perspective>
- Reilly, P. (2018). Sweetheart deals, deferred prosecution, and making a mockery of the Criminal Justice System: U.S. Corporate DPAs rejected on many fronts. *Arizona State Law Journal* 1113, 1115-1116.
- Reilly, P. R. (2015). Incentivizing corporate America to eradicate transnational bribery worldwide: Federal transparency and voluntary disclosure under the Foreign Corrupt Practices Act. *Florida Law Review*, 67(5), 1683-1733.
- Rosairo, H. S. R. (2023). Thematic analysis in qualitative research. *Journal of Agricultural Sciences*, 18(3).
- Securities Exchange Commission (2024). *Benefits of cooperation with the division of enforcement*. <https://www.sec.gov/enforcement/enforcement-cooperation-program>.

- Seddon, J., & Ivanos, A. (2024). *Self-reporting to the authorities and other disclosure obligations: The UK perspective*. Dechert LLP, <https://globalinvestigationsreview.com/guide/the-practitioners-guide-global-investigations/2024/article/self-reporting-the-authorities-and-other-disclosure-obligations-the-uk-perspective>
- Serious Fraud Office (2020). *Deferred Prosecution Agreements*. <https://www.sfo.gov.uk/publications/guidance-policy-and-protocols/guidance-for-corporates/deferred-prosecution-agreements-2/>
- Serious Fraud Office, Corporate Self-Reporting. (2012). <https://www.sfo.gov.uk/publications/guidance-policy-and-protocols/guidance-for-corporates/corporate-self-reporting/>
- Serious Fraud Office, *Deferred Prosecution Code of Practice*, Crime and Courts Act 2013.
- Slaughter & May (2020). *Deferred prosecution agreements implication for corporates of their global spread*. Slaughter and May Horizon Scanning series. <https://my.slaughterandmay.com/insights/>
- Sprenger, P. (2015). *Deferred prosecution agreements: The law and practice of negotiated corporate criminal penalties, law in practice*. Sweet & Maxwell.
- Syed Muhammad Sajjad Kabir. (2016). *Methods of data collection*. Dlm Syed Muhammad Sajjad Kabir, *Basic guidelines for research: An introductory approach for all disciplines* (hlm. 201-275). Book Zone Publication.
- The Criminal Division of the U.S. Department of Justice and the Enforcement Division of the U.S. Securities and Exchange Commission, *A Resource Guide to the U.S. Foreign Corrupt Practices Act Second Edition*, 2020.
- United States Sentencing Commission, Chapter Eight - Sentencing Of Organizations, U.S. Sentencing Guidelines 2018, <https://www.ussc.gov/guidelines/2018-guidelines-manual/2018-chapter-8> (diakses pada 11 Jun 2024).
- Usharani Balasingam, & Vani Rukumani. (2020). Section 17A of the Malaysian Anti-Corruption Act 2009: Corporate liability and beyond. 4 *MLJ* cxlii.
- Weissmann, A., & Newman, D. (2007). Rethinking criminal corporate liability. *Indiana Law Journal*, 82(2), 411-451.
- Werle, N. (2019). Prosecuting corporate crime when firms are too big to jail: Investigation, deterrence, and judicial review. *The Yale Law Journal*, 128, 1366-1438.
- Xiao, M. Y. (2013). *Deferred/Non Prosecution Agreements: Effective tools to combat corporate crime*. *Cornell Journal of Law and Public Policy*, 23(1), Article 7.
- Yan Zhang, & Wildemuth, B. M. (2009). *Qualitative analysis of content*. Dlm B. M. Wildemuth (Ed.), *Applications of Social Research Methods to Questions in Information and Library Science* (hlm. 1-12). Libraries Unlimited.